



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE NEEDS OF ARABIC FOR ISLAMIC STUDIES FROM THE VIEW OF LECTURER]

KEPERLUAN BAHASA ARAB *ULUM ISLAMIYYAH* DARI PERSPEKTIF PENSYARAH

Yuslina Mohamed^{1*}
Mesbahul Hoque¹
Sulaiman Ismail¹
Nurhasma Muhamad Saad¹

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 78100 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author: yuslina@usim.edu.my

Received Date: 20 Oktober 2020 • Accepted Date: 20 April 2020

Abstract

Arabic for Specific Purposes (ASP) is a branch of Functional Linguistic Disciplines focused on practical areas of language used, such as: Arabic for Banking, Arabic for Diplomats, Arabic for Technology, Arabic for Islamic Studies and so on. Ulum Islamiyyah is a discipline of knowledge that the Quran and al hadith are primary references for instance, Shariah studies, Usuluddin, Quranic and As Sunnah studies and others. Yet, Arabic Language and Ulum Islamiyyah are two terms which clearly related. Early Islamic scholars have discussed and explained the Islamic discipline in their turath books in Arabic. The needs of Arabic for Ulum Islamiyyah should be emphasized in order to achieve the learning objectives and to help students understand the specific vocabulary, terms and phrases in the subjects learnt. Through the survey done, the researcher found that many students faced the difficulties in reading, understanding and verify the Islamic rules from the original texts in the turath reference books. As consequences, the students are not able to discuss the Islamic issues in a broad view. This study used mixed methodology to get the data of needs by interviewing 10 lecturers who are teaching Ulum Islamiyyah courses. The results of this study can be concluded that the Arabic language for Ulum Islamiyyah must be offered to undergraduate students as a subject at the university.

Keywords: Needs, Ulum Islamiyyah, Arabic for specific purposes

Abstrak

Bahasa Arab Tujuan Khas atau Arabic for Specific Purposes (ASP) merupakan cabang Disiplin Linguistik Fungsian yang fokus kepada bidang praktikal mengikut keperluan (needs), seperti: Bahasa Arab untuk Perbankan, Bahasa Arab untuk Diplomat, Bahasa Arab untuk Teknologi, Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah* dan lain-lain. *Ulum Islamiyyah* adalah disiplin ilmu yang bersumberkan alquran dan alhadith seumpama Syariah Islam, Usuluddin, pengajian al-Quran dan As Sunnah dan lain-lain. Bahasa Arab dan *Ulum Islamiyyah* adalah dua frasa nama yang

mempunyai perkaitan yang jelas. Sarjana-sarjana Islam awal telah membahaskan dan menerangkan disiplin *ulum Islamiyyah* dalam buku turath dengan medium Bahasa Arab. Keperluan terhadap Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah* harus diberi perhatian agar objektif pembelajaran dapat dicapai dan dapat membantu pelajar untuk memahami kosa kata, istilah dan frasa nama yang khas di dalam disiplin yang dipelajari. Melalui tinjauan penyelidik didapati ramai pelajar menghadapi masalah pemahaman bahasa yang terdapat dalam *manhaj* penyampaian penulis asal dalam buku *turath* bagi setiap disiplin *Ulum Islamiyyah*. Masalah yang jelas dilihat apabila pelajar sukar untuk membaca dengan betul, memahami dan mengeluarkan hukum dari buku-buku turath tersebut. Pelajar juga tidak mampu untuk berdiskusi dan berhujah dalam disiplin *Ulum Islamiyyah*. Kajian campuran metodologi ini adalah kajian lapangan yang menggunakan instrumen temu ramah terhadap 10 pensyarah yang mengajar kursus *Ulum Islamiyyah* untuk mendapatkan data “keperluan” (*Needs*). Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa Bahasa Arab untuk khusus *Ulum Islamiyyah* wajib ditawarkan kepada pelajar prasiswazah sebagai satu kursus di peringkat universiti.

Kata kunci: Keperluan, *Ulum Islamiyyah*, Bahasa Arab Tujuan khas

Cite as: Yuslina Mohamed, Mesbahul Hoque, Sulaiman Ismail & Nurhasma Muhamad Saad 2020. Keperluan Bahasa Arab *Ulum Islamiyyah* dari perspektif pensyarah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(1): 120-133.

PENGENALAN

Bahasa Arab Tujuan khas atau *Arabic for Specific Purposes* (ASP) telah muncul dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua (L2) secara jelas selepas peristiwa 11 September 2001 (Yuslina, 2011). Kemelut yang berterusan sejak perang teluk (*Gulf War*) pada 2 Ogos 1990, pergolakan antara Israel dan Palestin yang berlaku sehingga kini, tiada noktah dan jalan penyelesaiannya, ketidakstabilan politik dan ekonomi serta *Arab Spring* turut menyumbang kepada perkembangan ASP dan seterusnya melonjakkan permintaan terhadap ASP. Dunia hari ini baru menyedari akan kepentingannya dan sumbangannya kepada pertumbuhan bahasa (kosa kata, istilah dan frasa). Bahasa Arab adalah Bahasa yang paling cepat berkembang berbanding Bahasa-bahasa lain (Yuslina, 2011). Perkembangan ini dapat dilihat dengan jelas pada hari ini melalui peristiwa-peristiwa dan peperangan yang berlaku, rentetan itu, telah banyak peralatan-peralatan moden yang berteknologi digunakan dalam kehidupan masyarakat di dunia dari segi politik, masyarakat, kesihatan, Pendidikan dan sebagainya. Dengan demikian, secara tidak langsung telah menggesa kepada percambahan beberapa kosa kata dan istilah-istilah moden untuk tumbuh dan berkembang melalui penggunaannya yang berterusan atau sebaliknya pula pertumbuhan bahasa juga akan bertambah pesat dan padat melalui ketidakstabilan politik, ekonomi dan pentadbiran yang berlaku.

Arabic for Specific Purposes (ASP) adalah satu disiplin ilmu yang melibatkan skop penggunaan bahasa dalam bidang yang bersifat khusus, Skop ASP adalah terhad kepada keadaan tertentu yang praktikal sahaja, seperti: Bahasa Arab Perbankan, Bahasa Arab Ekonomi, Bahasa Arab Perdagangan, Bahasa Arab al-Quran, Bahasa Arab *Ulum Islamiyyah*, Bahasa Arab Teknologi, Bahasa Arab Kewartawanan dan sebagainya.

ASP merupakan satu disiplin ilmu yang baru muncul dalam pengajian Linguistik Bahasa Arab Terapan. Sebagai satu disiplin ilmu yang baru, maka tidak dapat dinafikan akan kekurangan dan kelemahannya dari pelbagai aspek seperti: kekurangan pakar ASP bagi membahaskan teori-teori dalam ASP, kurikulum yang tidak jelas, tiada bahan pengajaran yang spesifik dan tiada buku rujukan khusus. Maka kekurangan dan kelemahan ini boleh diatasi dengan usaha ke arah penambahbaikan dari semua aspek ASP dan penyelidikan yang dijalankan secara berterusan.

Ulum Islamiyyah adalah satu disiplin ilmu yang luas yang berkaitan secara langsung dengan agama Islam dan perlaksanaannya, merangkumi bidang *Usuluddin* dan bidang *Syariah* dari tauhidnya sehinggalah kepada fikahnya. Bermula dari *makrifatullah* (Mengenal Tuhan) sehinggalah melaksanakan perintah Allah s.w.t. dengan kata lainnya “Ibadah”. Disiplin *Ulum Islamiyyah* ini adalah disiplin yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith, manakala perbahasannya yang mendalam dan ditil oleh sarjana-sarjana Islam dalam karangan-karangan mereka, seperti dalam kitab *Bulugh al Maram*, *al-Umm*, *Nail Authar*, *Tafsir Tobari*, *Bidayah Wannihayah*, *Kitab Jarah wa Ta’dil* dan sebagainya menggunakan Bahasa Arab pada zaman tersebut, Walaubagaimanapun kitab-kitab ini telah dimurnikan dan *ditahqiq*. Antara sarjana-sarjana Islam yang telah mempolopori disiplin *Ulum Islamiyyah* ini ialah: *al-Suyuti*, *Az-Zamakhshyari*, *al-Tabari*, *Ibnu Athir*, *al-A’syari*, *al-Jurjani*, *As-Syatibi* dan sebagainya. Keperihatinan dan inisiatif mereka inilah dapat melonjakkan Islam sebagai agama wahyu dan dapat memartabatkan kedudukannya di dunia pada hari ini. Sumbangan mereka ini juga telah meninggalkan khazanah dan warisan ilmu Islam yang amat bernilai sebagai sumber rujukan utama dalam perbahasan disiplin *Ulum Islamiyyah* selepas al-Quran dan al-Hadith.

DEFINASI DAN ONTOLOGI ULUM ISLAMIIYAH

Dari segi Bahasa, perkataan “Ulum” iaitu perkataan berganda “ilmu-ilmu” yang berasal dari kata dasar Bahasa Arab “alima” yang bermaksud mengetahui, mempelajari, maklum, manakala, dari segi istilah pula, ia bermaksud segala pengetahuan atau kebenaran tentang sesuatu yang datang dari ALLAH swt yang diturunkan kepada rasul-rasulnya dan alam ciptaannya termasuk manusia yang memiliki aspek fizikal dan spiritual. Dengan demikian, ilmu dapat didefinisikan sebagai pengetahuan dan kepandaian mengenai sesuatu bidang yang disusun secara bersistem menurut kaedah dan metode tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan yang berkait dengan bidang ilmu tersebut.

Sementara perkataan “Islamiyyah” ialah kata adjektif yang merujuk kepada agama Islam. Ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama Islam seperti ilmu tauhid, ilmu usuluddin, ilmu tafsir, ilmu Fikah dan lain-lain yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith.

Ilmu-ilmu Islam (*Ulum Islamiyyah*) menurut istilah adalah sebuah kajian yang bertujuan untuk memahami, mempelajari serta menganalisis seluruh hal-hal yang berhubungan dengan agama Islam, baik dari sejarah, sumber ajaran, asal usul ajaran serta realisasi pelaksanaannya dalam kehidupan.

Maka dapat dirumuskan bahawa *Ulum Islamiyyah* atau ilmu-ilmu Islam adalah istilah yang berkait rapat dengan ketaatan, kepatuhan dan pelaksanaan seseorang hamba terhadap Tuhannya. “Pengajian Islam” terdiri dari dua kosa kata asas iaitu “Pengajian” dan “Islam”. Pengajian merupakan kosa kata yang refleksi kepada akademik; iaitu pembelajaran dan

pengkajian untuk mendalami dan memahami ilmu-ilmu Islam samada ilmu-ilmu fardu ain atau fardu kifayah (Yuslina, 2017). Manakala “Islam” pula dari segi Bahasa bermaksud taat dan patuh serta menyerah, adapun maksud Islam dari segi istilah boleh dilihat dalam hadith baginda SAW yang bersabda:

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَيْضاً قَالَ : بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ إِذْ طَلَعَ عَلَيْنَا رَجُلٌ شَدِيدُ بَيَاضِ الثِّيَابِ شَدِيدُ سَوَادِ الشَّعْرِ، لَا يُرَى عَلَيْهِ أَثَرُ السَّقَرِ، وَلَا يَعْرِفُهُ مِمَّا أَحَدٌ، حَتَّى جَلَسَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَسْنَدَ رُكْبَتَيْهِ إِلَى رُكْبَتَيْهِ وَوَضَعَ كَفَّيْهِ عَلَى فَخْذَيْهِ وَقَالَ: يَا مُحَمَّدُ أَخْبِرْنِي عَنِ الْإِسْلَامِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْإِسْلَامُ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَتُقِيمَ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِيَ الزَّكَاةَ وَتَصُومَ رَمَضَانَ وَتُحَجَّ الْبَيْتَ إِنْ اسْتَطَعْتَ إِلَيْهِ سَبِيلًا...إلخ (رواه مسلم)

Maksudnya, dari Umar RA juga dia berkata: Ketika kami duduk-duduk di sisi Rasulullah SAW suatu hari tiba-tiba datanglah seorang laki-laki yang mengenakan baju yang sangat putih dan berambut sangat hitam, tidak tampak padanya bekas-bekas perjalanan jauh dan tidak ada seorang pun diantara kami yang mengenalnya. Hingga kemudian dia duduk di hadapan Nabi saw lalu menempelkan kedua lututnya kepada lututnya (Rasulullah SAW) seraya berkata: “Ya Muhammad, beritahukan aku tentang Islam?”, maka bersabdalah Rasulullah SAW: “Islam adalah engkau bersaksi bahawa tidak ada *ilah* (tuhan yang disembah) selain Allah, dan bahawa Nabi Muhammad adalah utusan Allah, engkau mendirikan solat, menunaikan zakat, puasa Ramadhan dan pergi haji jika mampu...” (Riwayat Muslim)

Pengkajian Islam adalah satu disiplin ilmu-ilmu Islam yang sangat luas. Bidang ilmu-ilmu Islam ini meliputi seluruh aspek kehidupan seseorang muslim, dari ibadah sehinggalah bermuamalah dengan tujuan memperolehi redho Allah di dalam kehidupan dunia yang bersifat sementara dan kehidupan akhirat yang kekal abadi. Sabda Baginda Rasulullah SAW dalam hadithnya:

عن رسول الله - صلى الله عليه وسلم - أنه قال، “ من يُرد الله به خيراً يُفقهه في الدين.” (رواه البخاري ومسلم)

Dari Muawiyah r.a., dari Nabi s.a.w., sabdanya: “Sesiapa yang dikehendaki Allah mendapat kebaikan, nescaya dijadikan dia seorang yang beroleh fahaman yang teliti dalam perkara agama (Riwayat al-Bukhari dan Muslim) .

Mempelajari ilmu-ilmu Islam dari kalangan muslim adalah amalan yang sangat baik dan dituntut agama. Dengan ilmu-ilmu Islam ini, maka dapat membentuk sahsiah manusia, merubah pergerakan dan tingkah laku seseorang manusia. Menjadi satu petanda yang baik iaitu penghayatan ilmu yang akan membawa seseorang itu kepada keredaan Allah s.w.t. . Maka mereka layak untuk mendapat syurga Allah Taala melalui belajar, beramal dan menghayati.

Perintah menuntut ilmu telah disarankan kepada setiap muslim, seperti sabda baginda SAW dalam hadithnya:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ. (ابن ماجه وغيره)

Dari Anas bin Malik r.a., katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Menuntut ilmu adalah satu fardu yang wajib atas tiap-tiap seorang Islam.”(Ibnu Majah dan Lain-lainnya).

Hadis ini mewajibkan tiap-tiap orang Islam mempelajari ilmu agama. Dengan demikian, sesuatu pekerjaan dari yang sekecil-kecilnya hingga yang sebesar-besarnya tidak dapat dilakukan dengan teratur dan sempurna melainkan dengan ilmu pengetahuan yang berkenaan dengannya, maka nyatalah wajibnya seseorang mempelajari hukum dan peraturan Islam bagi apa sahaja perkara yang hendak dilakukannya sebagai wajib fardu ain (Mohammad, 2012).

Menurut kitab al-Furuq dan “Tahzib al-Furuq” bahawa Imam Ghazali dalam kitabnya “Ihya-’Ulumuddin” dan Imam Asy-Syafi’i dalam kitabnya “Ar-Risalah” menerangkan; Bahawa telah sekata alim ulama, tidak harus seseorang cuba melakukan sesuatu perkara sehingga ia mengetahui lebih dahulu hukum-hukum Allah mengenai perkara yang hendak dilakukannya itu; - orang yang hendak berjual beli wajib mempelajari hukum Allah mengenainya dan orang yang hendak menyewa, memberi sewa, mengupah dan mengambil upah wajib mempelajari hukum Allah mengenainya. Demikian juga orang yang hendak sembahyang wajib mempelajari hukum Allah mengenal sembahyang. Demikian seterusnya segala perkataan yang hendak dikatakan dan segala amal yang hendak dikerjakan. Maka sesiapa yang mengetahui hukum Allah dan beramal menurut apa yang diketahuinya, sudah tentu ia telah mentaati Allah dengan dua taat dan sesiapa yang tidak mengetahui dan tidak pula beramal, sudah tentu ta telah menderhaka kepada Allah dengan dua kederhakaan; dan sesiapa yang mengetahui hukum Allah dan tidak beramal mengikutNya, maka ia telah mentaati Allah dengan satu taat dan menderhaka kepadaNya dengan satu kederhakaan (Mohammad, 2012).

Dengan demikian, kita fahami bahawa ilmu agama itu bukan satu perkara yang mudah didapati bahkan mestilah dipelajari dan diterima dari orang Islam yang betul-betul dan sah ilmunya serta jujur dan adil dalam penyampaiannya, sebagaimana yang diterangkan dalam hadis Rasulullah s.a.w. yang maksudnya: “Sesungguhnya ilmu yang sah dan muktabar itu tidak akan dapat dicapai melainkan dengan dipelajari dari guru”; bukan semata-mata dari buku-buku, lebih-lebih lagi yang dikarang oleh orang-orang orientalis, yang kebanyakannya menghidangkan madu bercampur racun (Mohammad, 2012).

Imam Nawawi menyebut ilmu agama terbahagi kepada dua bahagian dalam hadithnya yang ke 21 iaitu, pertama: Ilmu yang menjadi asas bagi ilmu-ilmu agama. dan kedua: Ilmu-ilmu yang lebih (yang tidak dikehendaki oleh agama).

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْعِلْمُ ثَلَاثَةٌ وَمَا سِوَى ذَلِكَ فَهُوَ فَضْلٌ أَيْةٌ مُحْكَمَةٌ أَوْ سُنَّةٌ قَائِمَةٌ أَوْ فَرِيضَةٌ عَادِلَةٌ. (أبو داود وابن ماجه)

Dari ‘Abd Allah bin ‘Amr RA, dari Nabi s.a.w., sabdanya: “Ilmu yang menjadi asas (bagi ilmu-ilmu yang dikehendaki oleh agama) adalah tiga dan yang lain dari itu adalah ilmu yang lebih; ilmu-ilmu yang tiga itu ialah: Ayat al-Qur’an yang terang nyata dan tidak dimansuhkan hukumnya; atau “Sunnah” (hadis)

yang sah datangnya dari Rasulullah s.a.w., yang tetap kekal atau ketetapan dan keputusan yang betul sama seimbang (dengan kehendak kitab Allah dan sunnah RasulNya)” (Abu Daud dan Ibnu Majah)

Bahagian yang pertama iaitu: Ilmu-ilmu yang ditetapkan menjadi asas itu ialah (Muhammad, 2012):

1. Ayat-ayat al-Qur’an yang terang nyata dan tidak dimansuhkan hukumnya, yang menjadi asas untuk dirujuk kepada ayat-ayat al-Qur’an yang “Mutasyabihat” (yang tidak jelas maksudnya).
2. “Sunnah” atau “Hadis” Rasulullah s.a.w. yang meliputi perkataannya, perbuatannya dan taqirinya (ketiadaan larangannya), yang sah datangnya dari Baginda dan berkekal diamalkan, kerana ialah yang menjadi keterangan dan ulasan bagi kitab Allah al-Quran al-Karim.
3. Ketetapan dan keputusan yang betul sama seimbang dengan kehendak kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya, yang ditetapkan atau diputuskan dengan jalan ”ijma” (kata sepakat alim ulama), atau dengan jalan ”Qiyas” (bandingan sesuatu perkara yang belum ada hukumnya dengan perkara yang telah ada hukumnya).

Manakala bahagian kedua ilmu-ilmu yang dikehendaki oleh asas itu ialah: Ilmu-ilmu yang ada hubungannya dengan kehendak-kehendak tatabahasa dan kesusasteraan Arab, juga yang ada hubungannya dengan pengertian maksud dan pengambilan hukum-hukum syarak (Istinbat); ilmu perubatan untuk menjaga dan memelihara kesihatan dan seterusnya ilmu-ilmu kemasyarakatan, pembangunan, perniagaan, perindustrian, pertanian, perikanan, pelayaran, penerbangan dan sebagainya dari tiap-tiap ilmu pengetahuan yang dikehendaki adanya dan tak dapat ditinggalkan untuk menjalankan segala urusan pentadbiran dan pertahanan negara meliputi segala jenis ilmu pengetahuan sains dan teknologi yang diperlukan oleh keadaan dan masa, asalkan tidak bertentangan dengan asas yang tiga itu.

Maka dengan demikian dapat disimpulkan bahawa Ilmu-Ilmu Islam ini dapatlah di kategorikan di bawah satu disiplin ilmu yang matlamatnya, beroleh kebaikan di dunia dan ganjaran pahala untuk akhirat. Pengajian Islam juga penting dalam menjalani rutin kehidupan harian yang formal atau sebaliknya. Aplikasinya bertujuan membentuk sahsiah seorang muslim yang digariskan Islam, apabila Islam itu terbentuk di dalam jiwa ianya dapat melahirkan keluarga Islam, masyarakat Islam, ummah Islam dan seterusnya akan terbentuk sebuah negara Islam dan suasana Islam yang aman harmoni. Pengajian Islam juga boleh dibahagikan kepada beberapa disiplin ilmu yang khusus seperti:

Bidang Akidah

Akidah artinya ketetapan yang tidak ada keraguan pada orang yang membuat keputusan. Pengertian akidah dalam Islam bermaksud kepercayaan dan keyakinan, Seperti akidah dengan wujudnya Allah dan diutusnya pada Rasul. Bentuk jamak dari aqidah adalah aqa-id
Manakala pengertian Akidah secara istilah ialah perkara yang wajib dibenarkan oleh hati,

sehingga menjadi suatu kepercayaan dan kenyataan yang teguh, yang tidak ada keraguan dan kebimbangan. Dengan kata lain, keimanan yang pasti tidak terkandung suatu keraguan apapun pada orang yang menyakininya. Sesuai dengan kenyataannya; yang tidak menerima keraguan atau prasangka. Bidang ilmu akidah akan berkait rapat dengan, Iman, Tauhid, Usuluddin, Ilmu kalam, Fiqh Akbar, Teologi Islam dan ilmu makrifah.

Bidang Syariah

Syariah bermaksud pandangan dan jalan yang lurus. Ia juga berkongsi kata dasar dengan perkataan syur'at al-ma' yang bererti tempat keluar air yang digunakan untuk minuman. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

قوله تعالى: لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا.. إلخ (المائدة: 48)

Ertinya: ... untuk setiap umat antara kamu, Kami berikan kamu aturan, yakni syariah atau jalan yang terang ... (Sural al-Maidah: 48)

Manakala dari segi istilah pula, syariah secara umumnya bermaksud segala perintah yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. ke atas manusia dari segi akidah, amaliyyah dan akhlak. Namun dalam pengertian yang khusus, syariah merujuk kepada perintah Allah s.w.t. dari segi amaliyyah sahaja. Aspek amaliyyah merujuk kepada amalan dan aktiviti zahir manusia. Dalam pengertian yang khusus ini, syariah tidak melibatkan aspek akidah kerana akidah merujuk kepada pegangan dan kepercayaan hati manusia, manakala akhlak pula lebih merujuk kepada urusan pembersihan hati dan jiwa manusia.

Syariah dalam pengertian yang khusus ini boleh pula dipecahkan kepada empat unsur utama iaitu: Ibadat, Munakahat, Jinayat dan Muamalat.

PERKAITAN ULUM ISLAMIYYAH DAN BAHASA ARAB

Bahasa Arab dan *Ulum Islamiyyah* mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan begitu sinonim pemahaman istilah ini. Apabila disebut *Ulum Islamiyyah*, maka kita akan menggambarkan bahasa Arab, kerana asas utama dalam penghayatan disiplin *Ulum Islamiyyah* tidak dapat lari daripada bahasa Ini dan menjadi medium perantaraan dalam ibadat umat Islam. Tidak dinafikan juga, kebanyakan perbahasan perkara berkaitan agama dalam kitab-kitab rujukan moden dan *turath* menggunakan bahasa Arab. Bahkan sarjana-sarjana Islam serta Ahli Falsafah Islam yang masyhur adalah dari kalangan bangsa Arab.

Bahasa Arab merupakan satu bahasa yang mempunyai kedudukan istimewa dalam Islam. Dalam al-Quran Allah s.w.t. menyebut perkataan “Arab” yang membawa maksud bahasa Arab, Seperti mana firmanNya dalam surah Yusof, ayat 2:

قوله تعالى: إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Yang bermaksud “Sesungguhnya Kami menurunkannya al-Qur’an dalam Bahasa Arab, agar kamu memahaminya”.

Ayat di atas telah menerangkan “sesungguhnya Allah s.w.t. menurunkan al-Quran iaitu satu kitab panduan yang jelas, diturunkan dalam Bahasa Arab kepada Bangsa Arab pada ketika itu. Kita sedar pertuturan dan percakapan mereka dalam Bahasa Arab. Maka kami (Allah s.w.t.) turunkan kitab ini dengan bahasa mereka supaya mereka berfikir dan mereka mempelajarinya serta mengkajinya.

Bahasa Arab juga telah dipilih untuk menjadi bahasa pengantara bagi membawa mesej Islam. Bahkan amal ibadah umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan Bahasa Arab, malah menjadi prasyarat sesuatu ibadah itu diterima atau tidak, contohnya ibadah solat. Hal ini menjadikan bahasa Arab amat sinonim dengan Islam dan umatnya.

Kepelbagaian bangsa dan bahasa umat Islam di seluruh dunia menjadi asas utama perlunya usaha mempelajari Bahasa Arab Khusus bagi tujuan ibadah. Ibadah fardiyyah badaniyyah seperti: solat, menunaikan haji, puasa, membaca al-Quran. Ibadat ini dapat dilaksanakan dengan baik sekiranya mengetahui Bahasa Arab, sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Ishak Haron (2000), menyatakan “Sumber rujukan pelajar adalah kitab *turath* dan sumber asli yang dikarang dalam Bahasa Arab yang memerlukan penguasaan Bahasa Arab yang kompeten”.

“KEPERLUAN” (NEEDS) DALAM BAHASA ARAB TTUJUAN KHAS (ASP)

“Keperluan” merupakan rukun asas dalam ASP dan pembinaan kurikulumnya. Ia menjadi faktor utama dalam penawaran kursus ASP. Kedudukan “needs” sangat penting dalam disisplin Bahasa Tujuan Khas (ASP) ini. Peranannya yang besar sehingga dapat membangunkan rupa bentuk silibus yang solid dan dapat menentukan fungsinya dari pelbagai aspek seperti: bentuk sumber rujukan, reka bentuk latihan, fokus kandungan yang berpusat, tempoh dan masa yang diperlukan bagi setiap latihan, ujian dan pembelajaran sendiri (Yuslina, 2015).

Seperti mana kita sedia maklum bahawa tuntutan terhadap Bahasa Arab khusus (ASP) adalah bergantung sepenuhnya kepada “keperluan” (Needs) sama ada ia merupakan “keperluan” individu atau “Keperluan” Institusi dan juga autentiknya (Yuslina, 2011). Ini bermakna “Keperluan” adalah elemen yang sangat penting dalam ASP.

Menurut Walid (2013), Yuslina (2011), Nadwah Daud, Nik Hanan Mustafa dan Najmiah Hashim (2008), Hanan (2006) dan Usyari (1983) Istilah “keperluan” (Needs) dalam pengajaran bahasa bukanlah satu istilah yang asing dalam pengajaran bahasa yang bersifat khusus, bahkan istilah ini telah meluas penggunaannya semenjak tahun 70an pada kurun yang lalu. Manakala Ping Duan & Weiping Gu (2001) dan Gatehouse (2001) telah membincangkan perihal penting dan signifikan yang berkaitan dengan kepentingan Bahasa Tujuan khas ini dengan menyelusuri kajian *linguist* barat yang menyatakan “ *Ever since 1950s, EST has experienced several phases of development*”. Di antara pelopor bahasa tujuan Khusus ini ialah: *Swales and Lattore, Selinker and Trimble* (1969) Iaitu memperkenalkan istilah “Bahasa Tujuan Khas”, walaubagaimanapun ianya tidak menyatakan item-item yang berkaitan dengan Bahasa Khusus ini seperti Kaedah Analisis Keperluan dan Instrumen Analisis. Ini merupakan kelemahan dan kekurangan pada Bahasa Khusus yang membawa kepada banyak kritikan dan komentar terhadapnya.

“Keperluan” ataupun “hajat” merupakan perkara asas yang sangat penting dalam pengajaran Bahasa Khusus seperti: Bahasa Arab Tujuan Khusus (ASP). Ini kerana “Keperluan”

yang dihasilkan dari pelajar atau institusi akan membentuk satu kerangka kursus untuk Bahasa Khusu ini, manakala objektif kursus itu mestilah mencapai “keperluan” yang digariskan melalui analisis keperluan (Yuslina, 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian campuran antara kuantitatif dan kualitatif, Kaedah temu bual serta perbincangan telah digunakan bagi mengenal pasti “keperluan” (Needs) dan “autentik” terhadap Bahasa Arab *Ulum Islamiyyah* (AIS). Kajian ini jalankan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), pada pertengahan semester 1 bagi sesi 2015/2016, Iaitu dengan menemubual 10 orang pensyarah dalam bidang *Ulum Islamiyyah* dan beberapa kumpulan pelajar yang mewakili pelajar tahun akhir dari Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU). Kajian ini akan menggunakan dua instrumen iaitu soal selidik dan temubual.

Instrumen soal selidik yang dibina terbahagi kepada 3 bahagian, manakala setiap bahagian yang dibina adalah berdasarkan objektif soal selidik tersebut, instrumen ini meliputi:

1. Mengetahui latar belakang dan pengalaman pensyarah yang mengajar subjek-subjek *Ulum Islamiyyah*
2. Mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
3. Mengetahui keperluan institusi terhadap Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah*

Manakala temu bual santai telah dijalankan dengan beberapa kumpulan pelajar bagi mendapat respon terhadap keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sepanjang tahun akhir mereka. Ianya lebih memfokuskan kepada kemampuan pelajar untuk membaca dan memahami perbahasan dan perbincangan yang berkaitan *Ulum Islamiyyah* terutamanya yang terdapat dalam kitab-kitab *Turath* setelah tamat pengajian. Kajian juga berusaha untuk fokus kepada kemampuan berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan baik setelah tamat pengajian. Ujian telah dijalankan kepada pelajar iaitu dengan memberikan teks asli yang dipetik dari kitab turath dan meminta mereka untuk menghuraikan apakah yang difahami dari teks tersebut. Ternyata ia adalah masalah yang sangat besar bagi mereka walaupun akan tamat pengajian pada semester ini.

Data yang dikumpul dari responden telah dianalisis untuk pengesahan “autentik” AIS dan keasliannya. “Autentik” sesuatu data didiagnosis perlu dilihat kepada kematangan kumpulan responden. Iaitu dengan merujuk kepada penggunaan kitab rujukan asal yang melebihi 2 semester untuk beberapa kumpulan pelajar tahun akhir. Adapun data yang didiagnosis “autentik” tidak dikumpul dari pensyarah sahaja bahkan ianya juga dikumpul dari pelajar tahun 4 iaitu tahun akhir *Ulum Islamiyyah*. Kesenambungan pro dan kontra diantara responden dapat menghasilkan satu titik pertemuan yang positif dan negatif yang ditentukan dari analisis data yang dinamakan dapatan kajian.

Setiap soalan dalam soal selidik dan temubual telah dianalisis mengikut kategori dan bahagian ASP iaitu “needs”, “desire” dan “lacks”. Ini akan memudahkan pengkaji untuk melihat perbezaan peratusan, min dan frekuensi kategori tersebut.

Simbol S1 hingga S15 telah digunakan bagi merujuk kepada soalan soal selidik nombor 1 hingga soal selidik nombor 15.

ANALISIS DATA, DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada soalan soal selidik yang diedarkan kepada pensyarah dan temu bual yang dijalankan bersama pelajar, pengkaji dapat mengumpul data-data yang tepat (*accurate*) dan memenuhi kehendak pengkaji, setelah itu data-data tersebut dianalisa dan dibincangkan mengikut frekuensi kekerapan tertinggi, sederhana dan rendah. Dapatan tersebut disusun mengikut urutan nombor soalan. Bahagian A, Berkaitan pengalaman pensyarah mengajar subjek *Ulum Islamiyyah* dan bahan rujukan yang digunakan dari sumber kitab-kitab *turath*. Dapatan soal selidik Bahagian A adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1: S1: Pengalaman mengajar kursus-kursus *Ulum Islamiyyah*

	kekerapan	peratus
Ya	10	100%
Tidak	-	-

Jadual di atas menunjukkan bahawa semua responden iaitu 100% telah berpengalaman mengajar subjek-subjek *Ulum Islamiyyah* iaitu melebihi 5 tahun. Di sini kita dapat melihat autentik responden dari segi pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran untuk subjek-subjek *Ulum Islamiyyah*.

Jadual 2: S2: Merujuk sumber-sumber asli dari kitab *Turath* dan menggunakannya dalam pengajaran dan pembelajaran.

	kekerapan	peratus
Ya	9	90%
Tidak	1	10%


Berdasarkan jadual di atas, terdapat 90% dari responden telah merujuk kepada sumber-sumber dari kitab *turath* dalam pengajaran subjek *Ulum Islamiyyah* berbanding 10% tidak merujuk kepada sumber-sumber tersebut, dengan alasan pelajar sukar untuk memahami teks-teks yang terdapat dalam kitab-kitab *turath*. Melalui temu bual bersama responden, walaupun 90% dari mereka merujuk kepada teks-teks asli dalam kitab *turath* tetapi nisbahnya sangat sedikit, iaitu cuma merujuk kepada topik-topik tertentu sahaja, nisbah rujukannya tidak melebihi 50% seperti yang dinyatakan oleh kebanyakan responden dalam soal selidik. Ini kerana pelajar sukar untuk memahami teks-teks asli tersebut disebabkan kelemahan bahasa. Begitu juga temu bual yang melibatkan beberapa kumpulan pelajar yang mengatakan bahawa mereka tidak mampu untuk merujuk kepada sumber-sumber asli dari kitab *turath* kerana kelemahan mereka dari segi bahasa, mereka juga menyatakan bahawa mereka tidak yakin untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Di antara buku-buku *turath* yang dirujuk semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah seperti berikut:

1	Bulugh al-Maram	12	Kutub turath
2	al-Umm	13	Ruh al-Bayan
3	Nail al-Autar	14	Muqaddimah Ibn As-Salah
4	al-Itqan fi al-Ulum al-Quran	15	Tadrib Ar-Rawi li As-Suyuti
5	Mabahis fi al-Ulum al-Quran	16	Tafsir al-Qurtubi
6	Sahih al-Bukhari	17	Tafsir al-Baidawi
7	Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith	18	Tafsir At-Tabari
8	Nuzhah al-Nazar li Ibn Hajar al-'Asqalani	19	Manhaj al-Naqd fi Ulum al-Hadith
9	Sahih al-Bukhari	20	Jauharat At-Tauhid
10	Tafsir Ibn Kathir	21	Tafsir al-Qurtubi
11	Tafsir Az-Zamakhshari	22	Mafatihul Ghaib karangan al-Razi

Berdasarkan buku-buku *turath* yang digunakan oleh pensyarah, ianya meragukan kerana sejauh mana pelajar mampu menggunakan kitab-kitab *turath* ini semasa pembelajaran. Melalui temu bual dengan pelajar, mereka tidak mengetahui kitab-kitab *turath* secara mendalam kerana tiada penekanan semasa pengajaran. Ketika ditanya berkaitan penulis-penulis buku tersebut, mereka tidak tahu nama penulisnya, cetakkannya dan tahun penerbitannya. Ini menggambarkan seolah-olah pensyarah kurang memberikan penekanan terhadap rujukan sumber-sumber asli dari buku-buku *turath* dalam *Ulum Islamiyyah* semasa mengajar, dan sekaligus menyebabkan objektif pengajaran dan pembelajaran hanya berada pada tahap 55% pencapaiannya. Tahap pencapaian yang sangat rendah jika dibandingkan dengan tahap lulus minimum pelajar di peringkat universiti iaitu 50%-54%.

Graf 1: Masalah yang dihadapi ketika mengajar



Graf di atas menunjukkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika berada di dalam kelas, masalah-masalah ini adalah pandangan seseorang pensyarah terhadap kredibiliti pelajar semasa aktiviti pemindahan ilmu (*transfer knowledge*). Kebiasaannya pensyarah akan memfokuskan kepada isi kandungan bahan yang diajar. Hanya 10% sahaja dari responden telah menyentuh dan membincangkan aspek Bahasa Arab yang mudah semasa pengajaran subjek *Ulum Islamiyyah* tersebut, manakala 90% daripadanya langsung tidak menyentuh atau membahaskan topik yang berkaitan dengan Bahasa Arab dalam buku tersebut. Dengan demikian, maka pelajar tidak kompeten dan mahir bahasa Arab melalui pembelajaran subjek *Ulum Islamiyyah*.

Di antara masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah “pelajar sukar memahami kosa kata dan istilah-istilah dalam bidang *Ulum Islamiyyah*” (S4), ini dapat dilihat dalam graf di atas bahawa 100% responden bersetuju, dengan nisbah 30% sangat setuju: 70% bersetuju. Ini bermakna pelajar-pelajar di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), walaupun pelajar telah berada pada tahun akhir pengajian tetapi mereka masih menghadapi masalah untuk memahami kosa kata dan istilah-istilah dalam *Ulum Islamiyyah* dan tiada pengkayaan bahasa berlaku dalam kalangan pelajar. Ketika pelajar di minta untuk membaca sebaris petikan yang dipetik dari buku turath, mereka tidak yakin dan tidak mampu untuk membaca tanpa baris. Masalah tidak mahir Bahasa Arab (S5) juga menjadi penyebab yang menyumbang kepada kelemahan berbahasa Arab sama ada penulisan atau percakapan. Melalui temu bual yang dijalankan terhadap beberapa kumpulan pelajar tahun empat, didapati mereka tidak mahir berbahasa Arab dengan baik, bahkan terdapat masalah yang sangat besar dan perlu dibendung dengan serius, iaitu (S6) “sikap pelajar semasa aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran teks arab yang asal dan kecenderungan sikap pelajar seperti Tidak minat, kurang perhatian, kurang dorongan. Sikap pelajar perlu diatasi segera kerana ia akan memberi gambaran negatif secara berterusan terhadap pengajaran subjek-subjek *Ulum Islamiyyah*. Jika dilihat dari data yang dikumpul, buku-buku *turath* atau buku rujukan asli bukanlah sesuatu yang sukar didapati. Ini dapat dilihat dari S3 dalam graf di atas bahawa sumber rujukan asli sukar didapati, 100% responden iaitu kesemua mereka tidak menyokong kerana bahan rujukan boleh dicapai dengan mudah samada *on-line library* atau salinan asal buku *turath* yang telah ditahqiq.

Soalan ke7 dari soal selidik, ialah soalan berkenaan objektif pengajaran dan pembelajaran untuk subjek-subjek *Ulum Islamiyyah* yang dapat dicapai dengan menggunakan rujukan asal (*turath*). Dapatan menunjukkan secara puratanya 55% sahaja objektif yang dapat dicapai sekiranya pensyarah bergantung kepada rujukan *turath*.


S8: Adakah pengajaran subjek-subjek *Ulum Islamiyyah* perlu kepada subjek Bahasa Arab Untuk *Ulum Islamiyyah* (AIS)

	Ya	Tidak	Nisbah	Peratus
S8	9	1	9:1	90%

Jadual di atas menunjukkan bahawa 90% dari responden sangat bersetuju agar Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah* diperkenalkan. Mereka mengatakan bahawa ianya sangat perlu untuk membantu pelajar memahami kandungan perbahasan ilmu-ilmu Islam. Ini dapat dilihat dari maklumat yang dipetik dari responden semasa temubual dijalankan.

- “Bahasa Arab *Ulum Islamiyyah* amat berperanan dalam menyampaikan kefahaman yang betul terhadap isi kandungan *Ulum Islamiyyah*. Ia akan menjadi persediaan awal bagi seseorang pelajar mengenali Bahasa Arab mengikut bidang yang ada dalam *Ulum Islamiyyah* sebelum mereka belajar di peringkat yang lebih tinggi”.
- “Untuk mendapat Bahasa Arab original, pemahaman yang tepat”
- “Spesifik ikut bidang *Ulum Islamiyyah*”
- “sesuai utk memahami teks/istilah dalam bidang *Ulum Islamiyyah*”
- “Kerana buku-buku asal dan rujukan dalam ilmu itu dalam Bahasa Arab”
- “untuk mempertingkatkan penguasaan tatabahasa Arab dan menguasai ilmu-ilmu Islam yang kebanyakannya rujukan dalam Bahasa Arab”
- “dapat fahami maksud sebenar yang dimaksudkan oleh pengarang asal.”
- “pensyarah telah terjemah dalam Bahasa Melayu kepada istilah yang lebih mudah”
- “Bahasa Arab kunci memahami baik Quran dan Sunnah”

Graf 2: S9-S12: Memperkenalkan Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah*



Graf di atas menunjukkan respon dari pensyarah-pensyarah yang mengajar subjek-subjek *Ulum Islamiyyah*, sekiranya subjek Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah* diperkenalkan maka pelajar dapat:

S9 Memahami perbincangan dan perbahasan dalam bidang *Ulum Islamiyyah*

S10 Berdiskusi dalam *Ulum Islamiyyah* secara intelektual

S11 Melatih pelajar memahami teks asli dari rujukan asal

S12 Pelajar mampu merujuk buku-buku *turath* dalam bidang agama

S13 Meningkatkan kemahiran Bahasa Arab: Mendengar, Bertutur, Membaca dan Menulis

S14 Mengayakan kosa kata dan istilah-istilah dalam *Ulum Islamiyyah*

S15 Meningkatkan kemahiran Nahu Wazifi (Nahu gunaan)

Keseluruhan responden bersetuju dan sangat bersetuju dengan keperluan-keperluan Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah* seperti mana yang dicadangkan dalam kajian ini. Dengan nisbah 30% sangat bersetuju dan 70% bersetuju ini menunjukkan bahawa Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah* diperlukan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Selain keperluan-keperluan di atas, responden telah mencadangkan beberapa keperluan yang boleh dipertimbangkan iaitu seperti:

1. Berkomunikasi Bahasa Arab dengan baik.
1. Merujuk teks-teks dari buku *turath* serta dapat memahami kandungannya secara individu.
3. Menulis perihal berkaitan dengan *Ulum Islamiyyah* dengan baik.
4. Memperbagaikan penggunaan istilah-istilah dalam ayat yang berbeza.

KESIMPULAN

Keperluan terhadap AIS (Bahasa Arab *Ulum Islamiyyah*) seharusnya diberi perhatian yang wajar dari pihak berwajib. Kelemahan pelajar untuk memahami teks-teks dalam bidang *Ulum Islamiyyah* menyebabkan objektif disiplin tersebut tidak tercapai. Justeru keperluan AIS dalam *Ulum Islamiyyah* mesti diperkenalkan dan sangat perlu untuk dilaksanakan kepada pelajar-pelajar pengkhususan *Ulum Islamiyyah*. Seperti mana diketahui bahawa objektif AIS (Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah*) bagi sesebuah institusi adalah bergantung kepada “Keperluan” yang digariskan dari dapatan kajian yang dihasilkan melalui soal selidik dan *interview* yang dijalankan sepanjang kajian. Dari kajian ini dapatan menunjukkan betapa pentingnya Bahasa Arab untuk *Ulum Islamiyyah*. Ini kerana subjek ini dapat membantu pelajar memahami kosa kata, istilah, frasa dan struktur ayat Bahasa Arab dengan baik di samping mempelajari gaya bahasa yang terdapat di dalam kitab-kitab rujukan asal atau *turath*. Dapatan menunjukkan bahawa 98% dari responden telah setuju subjek AIS (Bahasa Arab *Ulum Islamiyyah*) atau *ulum Islamiyyah* diperkenalkan di Universiti Sains Islam Malaysia.

RUJUKAN

- Gatehouse, Kristen, (2001), Key Issues In ESP. *TESL journal* 1(10): 1-17.
- Umayrah, Hanan Ismail. (2006). *Attarakib Al A'lamiiyyah fi Allughah Al Arabiyyah, Tob'ah 1*, Amman Urdun: Dar Wael Linnasyr .
- Ushari, Mahmud, (1983). Ta'lim Al Arabiyyah Liaghrad Muhaddadah, *al-Majallah al-'Arabiyyah li Dirasat al-Lughawiiyyah* 1(2)” 45-60.
- Mohammad Abdul Khadir Alqodahi Annadwi. (2012). *Wajib menuntut Ilmu dan Kelebihannya*, Dirujuk pada 5/8/2018.
- Anati, Walid, (2003). *Allisaniyyat Al Tatbiqiiyyah wa Ta'lim Al Lughah Al Arabiyyah Lighairil Annatiqin Biha, Toba'h 1*, Jordan: Amman: al-Jawharah Linnasyr Wattauzi'.
- Yuslina Mohamed, (2011). *Attarakib Al Ismiyyah fi Majal As Sohafah: Dirasah Muqabalah*

- Bayn Allughatayn Ala Mustawa Attarkib Al Ismiyyah*, conference Proceeding.
- Yuslina Mohamed, (2013). *Qadiyyah Asolah Fi Al Arabiyyah Li Aghrad Khossoh, Majalla Muktamar, University Science of Technology, Sanaa, Yamen.*
- Yuslina Mohamed, (2015). *Attarakib Allsmiyyah fi Arabiyyah wal Malayziah: Dirasah muqabalah*, al-Qanatir International Journal of Islamic Studies 2(2): 1-15
- Yuslina Mohamed, (2017). *The Emergence of ASP, Seminar Antarabangsa: Pengajaran dan Pembelajaran, Kesusasteraan dan Kebudayaan Arab 2017.*
- Yuslina Mohamed, Mikail Ibrahim, (2016). *Namudz Tashmim al-Wahdah al-Tadrisiyah Fi al-Lughah al-'Arabiyyah Li Aghradh al-Shihafah al-'Askariyyah, Arabiyat : Jurnal Pendidikan Bahasa Arab dan Kebahasaaraban* 3(2): 46-58.
- Yuslina Mohamed, Zainal Abidin. H, Kauthar A.K. (2013). *Quranic Miracles in the Book of "Syafiah" written by Abdul Qaher Jurjaani*, GJAT 3(2): 125-136.